



Ruj. Kami : Bil (54) dlm .PDJL.BP.600-2/1/2

Tarikh : 28 Februari 2023

Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya,
72120 Bandar Seri Jempol.

Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Jempol,
72120 Bandar Seri Jempol.

Pengurus Air Daerah
Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) Sdn.Bhd
72120 Bandar Seri Jempol.

Penguasa Daerah,
Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Jempol,
72120 Bandar Seri Jempol.

Tuan,

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL

Saya dengan hormatnya di arah merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan **Kenyataan Tawaran Sebut Harga bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol** untuk dipamerkan di papan kenyataan tuan. Kerjasama awal daripada pihak tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSIH.MUAFAKAT.SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MUHAMMAD FAIZ BIN MOHD AZRI)
b.p Pegawai Daerah Jempol

- s.k
- i) Tuan Pegawai Daerah Jempol
 - ii) Pengarah Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1 MAC 2023

PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) & mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputra (STB) yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dalam gred/kelas dan kategori/pengkhususan/jenis pendaftaran/kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi menyertai sebut harga kerja yang berikut:

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	GREDE/ KATEGORI/ KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TEMPAT DAN TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN
PDJL.BP.600-2/1/1/2023(12)	KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT DAN MEMBERSIH LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, DI KG. BARU AIR HITAM, JEMPOL, NEGERI SEMBILAN	G1 CE21 ATAU CE32	RM50.00 (dalam bentuk Wang Tunai sahaja)	Tiada taklimat sebut harga dan lawatan tapak <u>Kontraktor akan dibekalkan maklumat berkaitan projek di laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Jempol (https://jempol.ns.gov.my/wam/tender-sebutharga)</u>	<u>Tarikh:</u> 08 MAC 2023 (Rabu) hingga 14 MAC 2023 (Selasa) <u>Tempat :</u> Bahagian Unit Pembangunan Fizikal Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol Kompleks Pentadbiran Daerah Jempol 72120 Bandar Seri Jempol Negeri Sembilan <u>Masa :</u> 1) ISNIN – JUMAAT : 8.30 PG - 12.00 TGH	<u>14 MAC 2023 (SELASA)</u> Sebelum atau pada Jam 12.00 tengah hari di Bahagian Unit Pembangunan Fizikal Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol Kompleks Pentadbiran Daerah Jempol 72120 Bandar Seri Jempol Negeri Sembilan
PDJL.BP.600-2/1/1/2023(13)	KERJA-KERJA MEMOTONG RUMPUT DAN MEMBERSIH LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN, DI KG SERAMPANG INDAH, JEMPOL, NEGERI SEMBILAN					

2. Untuk maksud ini kontraktor yang berminat untuk memperolehi borang sebut harga hendaklah membawa bersama Cop Syarikat dan **DOKUMEN ASAL** item yang berikut:
 - i. Perakuan Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - ii. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh BPKU
 - iii. Surat Kelulusan Berdaftar Nombor Kod Majikan PERKESO
 - iv. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan)
 - v. Sijil/Surat Pendaftaran Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar)
 - vi. Kad Pengenalan
3. Hanya **syarikat** berdaftar dalam **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)** yang boleh memperolehi borang sebut harga.
4. Pematuhan terhadap SOP Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan pembendungan penularan wabak Covid-19 adalah wajib dipraktikkan semasa urusan pembelian borang sebut harga seperti penggunaan *hand sanitizer*, topeng muka dan penjarakan sosial. Kontraktor perlu berdaftar di kaunter pengawal terlebih dahulu dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis No. Sebut Harga di bahagian atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.
6. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Adalah diingatkan bahawa kegagalan tuan/puan bagi mematuhi arahan-arahan tersebut boleh menyebabkan pertimbangan terhadap sebut harga tuan akan terjejas.
8. Keputusan sebut harga adalah **muktamad**.
9. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh berhubung terus dengan dengan pejabat ini di talian **06-458 5214** pada waktu pejabat dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.


.....
(MUHAMMAD FAIZ BIN MOHD AZRI)
b.p Pegawai Daerah Jempol

PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- (I) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima atau suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Anti-Corruption Act 1997.

- (II) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan dibawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Anti Corruption Agency or police station. Failure to do so is an offence under the Anti-Corruption Act 1997.

- (III) Tanpa Prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah dibawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Without prejudice to any other action, disciplinary action against a member of the public services and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Anti-Corruption Act 1997.

- (IV) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Any contractor or supplier who makes for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specification and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Anti-Corruption Act 1997.

- (V) Kontraktor atau pembekal adalah dilarang membuat pakatan harga / kartel di dalam mana-mana tawaran sebut harga atau perolehan. Tindakan tegas seperti membatalkan kontrak boleh diambil sekiranya didapati kegiatan tersebut berlaku.

Contractors or suppliers are prohibited from entering into price alliances / cartels in any quotation or procurement offer. Strict action such as canceling the contract can be taken if it is found that the activity took place.
